



اوتیورسیتی ملیسیا قهغ السلطان عبد الله  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH**

**GARIS PANDUAN  
SANGKUTAN PENYELIDIKAN  
DALAM & LUAR  
(*INBOUND & OUTBOUND*)  
UMPSA**

## KANDUNGAN

NO	PERKARA	MUKASURAT
	<b>PERMOHONAN</b>	
1.0	Definisi dan Tujuan	3
2.0	Kategori Program Sangkutan / Mobiliti	3
3.0	Jenis Pembiayaan	4
4.0	Pelaksanaan Program Sangkutan	4
5.0	Syarat kelayakan	5
6.0	Tempoh sangkutan	7
7.0	Lain - lain	7
	<b>LAMPIRAN</b>	
	Carta Alir Proses Kerja	19

## 1.0 DEFINISI DAN TUJUAN

- 1.1 Program Sangkutan Penyelidikan Dalam & Luar (*Inbound & Outbound*) ini bertujuan untuk memberi peluang dan meningkatkan kompetensi penyelidik melalui pendedahan dan pengalaman sebenar dalam bidang penyelidikan yang telah dikenal pasti di universiti / institusi/organisasi penyelidikan yang mana bersesuaian dengan bidang penyelidikan masing-masing.
- 1.2 Program ini juga dapat memantapkan pengetahuan penyelidik di samping dapat mengikuti perkembangan terkini mengenai teknologi / fasiliti penyelidikan yang lebih moden dan maju dalam bidang yang diceburi. Program ini boleh meliputi latihan / tindikkan penyelidikan / pembangunan dan pemindahan ilmu / kursus yang mana melibatkan perkembangan teknologi penyelidikan bersama golongan pakar dan mengetengahkan perkongsian pengalaman dan kepakaran.
- 1.3 Program Sangkutan Penyelidikan Dalam & Luar (*Inbound & Outbound*) ini melibatkan penyelidik UMPSA dan penyelidik luar.

## 2.0 KATEGORI PROGRAM SANGKUTAN / MOBILITI

- 2.1 **Sangkutan Penyelidikan Dalam (*Inbound*)**  
Terpakai kepada penyelidik/individu luar UMPSA yang akan membuat sangkutan penyelidikan di UMPSA.
- 2.2 **Sangkutan Penyelidikan Luar (*Outbound*)**  
Terpakai kepada penyelidik UMPSA yang akan membuat sangkutan ke universiti/institusi/organisasi luar UMPSA.

## 3.0 JENIS PEMBIAYAAN

### 3.1 **Pembiayaan Geran Penyelidikan & Sumber Dana Luar**

Penyelidik yang mempunyai geran penyelidikan aktif dan pembiayaan ini akan ditanggung oleh pemberi dana berdasarkan terma yang diluluskan dalam garis panduan dan dipersetujui di dalam perjanjian MoU / MoA atau yang setara.

### 3.2 **Pembiayaan Peruntukan Khas Universiti**

Penyelidik yang mendapat kelulusan bagi menggunakan peruntukan khas universiti bagi menampung perbelanjaan program sangkutan.

### 3.3 **Pembiayaan Sendiri**

Penyelidik menggunakan peruntukan kewangan sendiri bagi menanggung kesemua kos dan perbelanjaan semasa mengikuti program sangkutan.

## 4.0 PELAKSANAAN PROGRAM SANGKUTAN

### 4.1 **Kelulusan Program Sangkutan Dalam (*Inbound*)**

- (a) Penyelidik luar boleh menghantar permohonan rasmi dengan mengisi borang beserta maklumat – maklumat lengkap program melalui emel atau pemakluman rasmi kepada JPI untuk kelulusan.
- (b) Permohonan ini perlu mendapat sokongan host di Pusat Tanggungjawab dan kelulusan JPI serta melalui tadbir urus governan yang diguna pakai.
- (c) Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh Jabatan Penyelidikan dan Inovasi dan akan dinyatakan jelas skop penyelidikan yang terlibat dan terma – terma lain yang berkaitan.

### 4.2 **Kelulusan Program Sangkutan Luar (*Outbound*)**

- (a) Sangkutan Dalam Penyelidik UMPSA mestilah membuat permohonan dengan menghantar kertas kerja untuk diluluskan oleh JPI atau mesyuarat peringkat universiti serta tertakluk kepada tadbir urus governan yang terpakai.

- (b) Permohonan ini perlu dilampirkan surat tawaran / persetujuan penerimaan dari universiti / institusi / organisasi yang dipohon dan implikasi kewangan serta prosedur yang berkaitan.
- (c) Rancangan aktiviti dan hasil penyelidikan sepanjang tempoh jangka masa sangkutan perlu dinyatakan di dalam permohonan.

#### 4.3 **Pengurusan Visa / Permit / Passport**

Pemohon bertanggungjawab untuk mendapatkan visa yang bersesuaian serta dokumen kemasukan sebelum mereka membuat perjalanan. Kos pengurusan adalah ditanggung sendiri atau mengikut jenis pembiayaan.

#### 4.4 **Bayaran Penginapan dan Lain-lain**

- (a) Pemohon bertanggungjawab untuk menyediakan bayaran secukupnya bagi kos – kos berkaitan seperti penginapan, pengangkutan, sewaan dan lain – lain. Kadar bayaran adalah bergantung kepada penggunaan.
- (b) Penyelidik juga hendaklah mempunyai insurans perubatan atau perlindungan diri bagi menampung kos perubatan yang mungkin diperlukan. Kos ini perlu ditanggung sendiri oleh penyelidik.
- (c) Lain – lain kos atau bayaran yang tidak dinyatakan di sini adalah di bawah pembiayaan penyelidik sendiri atau merujuk kepada terma – terma yang telah dipersetujui bersama oleh pemberi dana atau perjanjian yang mengikat kedua – dua pihak.

## 5.0 **SYARAT KELAYAKAN**

### 5.1 **Kelayakan Sangkutan Dalam (*Inbound*)**

- (a) Pemohon mestilah penyelidik yang berdaftar di universiti/institusi/agensi/ organisasi.
- (b) Permohonan untuk sangkutan ini mestilah mendapat kelulusan universiti / institusi/agensi/organisasi masing-masing sebelum permohonan dihantar.
- (c) Pemohonan juga perlu mendapatkan kelulusan dan sokongan host sebelum perjalanan dibuat.

- (d) Pemohon yang menggunakan peruntukan geran adalah mesti mematuhi terma – terma yang telah dipersetujui oleh pihak pemberi dana melalui perjanjian yang termaktub.
- (e) Tujuan sangkutan ini mestilah bersifat memberi hasil dan faedah amnya kepada negara dan khususnya kepada kedua-dua belah pihak universiti / institusi / agensi / organisasi pada masa akan datang.

## 5.2 Kelayakan Sangkutan Luar (*Outbound*)

- (a) Pemohon mestilah penyelidik UMPSA.
- (b) Tujuan permohonan sangkutan ini mestilah berkait dengan penyelidikan sama ada bertujuan untuk mencapai sasaran geran atau memenuhi kehendak pemberi dana.
- (c) Pemohon yang mempunyai geran penyelidikan aktif samada sebagai ketua atau ahli tertakluk pada garis panduan atau syarat yang ditetapkan oleh pemberi dana geran atau seperti yang termaktub di dalam perjanjian Mou / MoA atau yang setara.
- (d) Permohonan mestilah diperakui oleh Ketua Pusat Tanggungjawab sebelum dihantar ke Jabatan Penyelidikan dan Inovasi. Ketua Pusat Tanggungjawab berhak memberikan tanggungjawab lain selain dari sasaran dan *Key Performance Indeks* (KPI) diberikan oleh pemberi dana khasnya bagi mencapai sasaran pencapaian penyelidikan pusat atau universiti masing – masing.
- (e) Pemohon harus memastikan bahawa:
  - Kerja-kerja penyelidikan yang dijalankan tidak akan menjejaskan tanggungjawabnya sebagai penyelidik universiti dan tidak membebankan Pusat Tanggungjawab.
  - Kerja – kerja penyelidikan tidak bercanggah dengan kepentingannya sebagai penyelidik universiti dan kepentingan universiti serta mematuhi peraturan yang ditetapkan.
- (f) Rancangan serahan tugas pengajaran dan pembelajaran serta lain – lain yang berkaitan di UMPSA semasa ketiadaan penyelidik yang telah diperakukan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (jika ada).

- (g) Penyelidik perlu mengemukakan laporan penyelidikan penuh selepas 30 hari selesai menjalani program sangkutan.


## **6.0 TEMPOH SANGKUTAN**

- 6.1 Jangka masa sangkutan adalah seperti berikut:
- (a) minimum jangka masa sangkutan adalah lima (5) hari
  - (b) maksimum jangka masa sangkutan adalah satu (1) tahun.
- 6.2 Sekiranya tempoh sangkutan perlu melebihi 1 tahun, kelulusan adalah tertakluk kepada pemberi dana dan seperti termaktub di dalam dokumen perjanjian atau yang setara.


## **7.0 LAIN-LAIN**

Program Sangkutan Penyelidikan Dalam dan Luar (*Inbound & Outbound*) ini juga tertakluk kepada Prosedur Sangkutan Staf yang digunapakai di Jabatan Pendaftar atau mana-mana pusat tanggungjawab.

## LAMPIRAN CARTA ALIR PROSES KERJA SANGKUTAN PENYELIDIKAN DALAM UMPSA (INBOUND)



## LAMPIRAN CARTA ALIR PROSES KERJA SANGKUTAN PENYELIDIKAN LUAR UMPSA (OUTBOUND)



**\*\*Sekiranya menggunakan peruntukan khas universiti permohonan dibawa ke JKPU**

**Kelulusan Mesyuarat Senat Universiti Ke-229 Bil. 11/2024 Disember 2024**

---

**Jabatan Penyelidikan & Inovasi  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah  
26600 Pekan  
Pahang Daru Makmur**